




MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
مجلس بندر ای ڤتا لیث جایا



# ePANEL KLINIK MBPJ

**PROJEK INOVASI  
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

NAMA INOVASI	ePANEL KLINIK MBPJ
RINGKASAN INOVASI	<p>Projek inovasi ini dipilih bagi memenuhi kehendak pelanggan dan stakeholder untuk mempermudahkan pengurusan rawatan sehingga proses tuntutan oleh kakitangan MBPJ. Terdapat empat (4) entiti utama yang terlibat iaitu Bahagian Sumber Manusia sebagai pengendali buku rawatan, kakitangan Majlis menggunakan kemudahan buku rawatan, Bahagian Klinik menguruskan tuntutan bil klinik panel dan klinik panel luar sebagai klinik yang melakukan rawatan perubatan.</p> <p>Sistem ePanel Klinik ini telah dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman dan mempunyai ciri-ciri seperti mudah diakses, berdasarkan web responsif dan berintegrasi dengan Sistem Pengurusan Personel MBPJ. Ia mempunyai 4 modul utama iaitu modul panel klinik, modul kakitangan, modul admin sumber manusia dan modul admin klinik. Sistem mempunyai pangkalan data yang boleh beroperasi pada skala yang besar.</p> <p>Projek ini sedikit sebanyak memberi faedah kepada Majlis dan klinik panel Majlis kerana kemudahan perubatan telah dapat diakses dengan mudah secara maya.</p> <p>Inovasi ini berpotensi untuk dikomersilkan kepada mana-mana agensi kerajaan yang berhasrat mempunyai satu sistem kemudahan rawatan panel berpusat.</p> <p>Memandangkan ia merupakan aplikasi atas talian sebagai sebuah platform yang ia mampu membantu dalam membuat keputusan dan memberikan informasi bermanfaat.</p> <p>Projek ePanel ini berpotensi untuk diseragamkan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana konsep yang digunakan adalah sama kerana tidak melibatkan perubahan proses yang begitu ketara.</p>
KLUSTER	Pengurusan Sumber Manusia Teknologi, Produk dan Peralatan Penyampaian Perkhidmatan
PUNCA	Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Pengurusan Atasan Agensi
STATUS INOVASI	Menerima sijil pendaftaran harta intelek

<b>LATAR BELAKANG PROJEK (proses sebelum dan selepas, elemen penurunan kuasa (jika ada), pelaksanaan inhouse/outsource dsb)</b>	<p>Tujuan pembangunan Sistem ePanel Klinik MBPJ ini ialah untuk mempermudahkan pengurusan rawatan sehingga proses tuntutan oleh kakitangan MBPJ. Ia melibatkan sistem pendaftaran pesakit di klinik panel, merekod pesakit, mempreskripsi dan tuntutan bayaran.</p> <p>Sebelum projek ini dilaksanakan, klinik/hospital panel hanya dibenarkan memberi rawatan kepada kakitangan yang membawa buku rawatan perubatan sahaja dan caj rawatan yang dikenakan hendaklah dicatatkan di dalam buku tersebut. Selepas projek ini dilaksanakan kakitangan tidak perlu lagi risau jika kehilangan/tertinggal buku dan rawatan masih boleh diteruskan. Kini caj perubatan senang dilihat dan dipantau melalui sistem ePanel Klinik MBPJ.</p> <p>Pembangunan sistem ini dibangunkan secara in-house oleh 2 orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer. Prosesnya bermula daripada carta perbatuan, lakaran, perisian, skrin, installasi, percubaan 1, penambahbaikan, percubaan 2, perakuan dan akhirnya menamakan sistem ini sebagai ePanel Klinik MBPJ.</p>
<b>KUMPULAN SASAR &amp; SKOP LIPUTAN</b>	<p>Sistem ini memenuhi kehendak 4 entiti utama iaitu Bahagian Sumber Manusia sebagai pengendali buku rawatan, kakitangan Majlis menggunakan kemudahan buku rawatan, Bahagian Klinik menguruskan tuntutan bil klinik panel dan klinik panel luar sebagai klinik yang memberi rawatan perubatan.</p> <p>Skop projek meliputi 4 modul utama iaitu modul panel klinik, modul kakitangan, modul admin sumber manusia dan modul admin klinik.</p>
<b>OBJEKTIF</b>	Kumpulan telah menetapkan objektif projek iaitu memastikan kakitangan menggunakan sistem ePanel Klinik setiap kali berurusan dengan klinik panel Majlis. Kakitangan dan tanggungan yang layak tidak perlu lagi membawa Buku Rawatan Klinik Panel.

<b>PENERANGAN</b>	
<b>A. Kreativiti</b>	<p><b>KAEDAH PEMIKIRAN REKABENTUK (DESIGN THINKING)</b></p> <p>Idea untuk menghasilkan sistem ini setelah melihat proses untuk kakitangan mengemas kini baki pada buku rawatan dan mendapatkan rawatan di klinik panel agak rumit. Kakitangan perlu hadir ke pejabat Bahagian Sumber Manusia untuk mengemas kini buku rawatan setiap akhir tahun dan kakitangan perlu bawa buku rawatan setiap kali ingin menggunakan kemudahan perubatan dari panel perubatan Majlis. Keadaan menjadi rumit apabila kakitangan sukar untuk hadir ke pejabat untuk mengemas kini buku rawatan dan sekiranya kakitangan terlupa untuk membawa buku rawatan semasa ingin mendapatkan rawatan. Dengan idea menghasilkan sistem online ini, pihak Bahagian Sumber Manusia hanya perlu mengemas kini pada sistem sahaja tanpa perlu kakitangan hadir. Bagi urusan mendapatkan rawatan pula kakitangan hanya perlu memberikan nombor pekerja atau nombor kad pengenalan sahaja kepada panel untuk disemak dalam sistem kelayakan kakitangan.</p>
<b>B. Keberkesanan</b>	<p>Dengan adanya Sistem ePanel MBPJ, projek ini telah menunjukkan impak yang positif kepada Majlis dan klinik panel Majlis kerana kemudahan perubatan telah dapat diakses dengan mudah secara maya.</p> <p>Seramai 1,919 orang pegawai dan kakitangan MBPJ telah menikmati akses kemudahan perubatan secara real-time tanpa perlu membawa buku rawatan dan Majlis telah dapat menjimatkan kos perbelanjaan buku rawatan secara tahunan dan ia boleh dibelanjakan untuk kegunaan lain seperti kerja-kerja ad-hoc menampal jalan berlubang untuk keselamatan jalan raya dan kesejahteraan pembayar cukai.</p> <p>Peningkatan tahap keselamatan data maklumat lebih terkawal dan teratur kerana MBPJ telah mengambil kira kawalan keselamatan dari peringkat pembangunan sistem bagi memastikan tidak wujud sebarang ralat yang boleh mengganggu pemprosesan dan ketepatan maklumat.</p> <p>Secara tidak langsung imej MBPJ meningkat kerana kebolehan MBPJ memperolehi maklumat dengan cepat dan pantas. Kakitangan MBPJ juga lebih berintegriti seterusnya Sistem ePanel Klinik dijadikan sebagai contoh yang mengguna pakai teknologi terkini.</p>

### C. Relevan

Dengan tercapainya objektif projek ini maka sedikit sebanyak memberi satu imej yang baik kepada semua warga MBPJ. Pemansuhan penggunaan Buku Rawatan Klinik Panel telah memberi kesan yang positif dari segi penjimatan kos serta dapat mengaplikasi pelaksanaan go green iaitu sebanyak RM 22,068.50 dan ia boleh disalurkan kepada lain-lain keperluan jabatan seperti kerja-kerja menampal jalan berlubang serta menambah baik prasarana untuk kesejahteraan warga Petaling Jaya.

Selain itu, penjimatan masa petugas buku rawatan selama 4 hari dapat diperuntukkan kepada tugas-tugas hakiki lain seperti mengemas kini sistem HRMIS dan sistem maklumat perjawatan Majlis.

Sejumlah 146 klinik panel yang turut serta dalam projek ini dan akan memberi impak kepada Majlis dari segi penilaian terhadap prestasi perkhidmatan mereka kepada pelaksanaan sistem ini. Sekiranya pihak Majlis mendapati prestasi perkhidmatan yang diberikan adalah tidak memuaskan, Majlis boleh menamatkan perkhidmatan bila-bila masa.

Penilaian impak kepada kakitangan telah diperolehi melalui kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti tahap kecekapan sistem dan penggunaan sistem dalam memastikan 100% kakitangan dan panel klinik mendapatkan maklumat kemudahan perubatan yang disimpan dengan mudah ketika mendapatkan rawatan.

	<p>Kumpulan mengambil inisiatif untuk menambah baik keadaan ekosistem semasa berkaitan pengurusan buku rawatan perubatan panel MBPJ. Penambahbaikan ini dipilih berdasarkan maklum balas mesyuarat Majlis bagi mencari penyelesaian bagi tajuk yang dipilih mengenai “Kesukaran Memantau Kemudahan Buku Rawatan Perubatan Panel MBPJ”.</p> <p>Isu ini ditimbulkan dalam mesyuarat pengurusan supaya buku rawatan panel perlu diganti dengan sistem online.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mesyuarat mencadangkan agar satu sistem online perlu diwujudkan kerana didapati Panel sering melakukan kesilapan untuk menulis caj perkhidmatan di buku rawatan kakitangan.</li> <li>• Bahagian Sumber Manusia (BSM) juga sukar untuk memantau dan menjumlahkan baki rawatan yang tepat dalam buku rawatan pada setiap hujung tahun.</li> <li>• Ini adalah selaras juga dengan hasrat pihak pengurusan tertinggi Majlis agar mengoptimumkan penggunaan sistem secara online terhadap semua perkhidmatan Majlis.</li> </ul> <p>Sistem ePanel Klinik dibangunkan untuk mempermudah pengurusan rawatan sehingga proses tuntutan oleh kakitangan MBPJ. Dalam hal ini, klinik yang tidak disambung untuk memberi perkhidmatan sebagai panel klinik MBPJ adalah tidak dibenarkan untuk mengakses masuk ke Sistem e-Klinik Panel Majlis.</p> <p>Sistem ePanel Klinik menggantikan kaedah konvensional dan ia amat penting dalam strategi Majlis untuk menambah baik perkhidmatan dan mengawal selia operasi klinik / hospital panel di samping menggalakkan penggunaan sistem digital dalam kalangan kakitangan.</p> <p>Projek ini sedikit sebanyak memberi faedah kepada Majlis dan klinik panel Majlis kerana kemudahan perubatan telah dapat diakses dengan mudah secara maya.</p>
--	--

<b>PENCAPAIAN</b>	<p>Dengan terhasilnya Sistem ePanel Klinik dapat dilihat bahawa outcome yang dijangkakan telah dapat dicapai, Antaranya,</p> <p><b>MENINGKATKAN KECEKAPAN (PENGURANGAN KOS OPERASI)</b> Kos dapat dijimatkan kerana tidak perlu lagi membeli buku rawatan setiap tahun.</p> <p>Tiada lagi kos pembangunan sistem diperuntukkan kerana pembangunan sistem adalah secara inhouse. Penjimatan kos bagi operasi dan pembangunan sistem adalah sebanyak RM22,070.00 setiap tahun.</p> <p><b>PENJIMATAN MASA</b> Kedua penjimatan masa dari 10 minit yang diperuntukkan untuk pembaharuan buku rawatan kepada tiada lagi masa menunggu kerana kakitangan hanya perlu menyemak melalui sistem secara real-time.</p> <p>Penjimatan masa petugas BSM di kaunter pembaharuan dari 10 jam kepada tiada masa diperlukan untuk mengemas kini kerana ia boleh dilaksanakan secara real-time dimana-mana.</p> <p><b>MENINGKATKAN KECEKAPAN (PROSES PEREKODAN)</b> Kecepatan proses perekodan maklumat perubatan daripada penggunaan manual kepada sistem online dan tiada lagi buku rawatan diperlukan untuk pendaftaran dan tiada lagi kesalahan baki peruntukan.</p> <p><b>MENINGKATKAN PRODUKTIVITI (PENJIMATAN SUMBER MANUSIA)</b> BSM tidak perlu bertugas di kaunter untuk urusan pembaharuan buku rawatan dan;</p> <p><b>KEPUASAN HATI PELANGGAN (KEBERKESANAN IMEJ JABATAN)</b> Mengikut maklum balas soal selidik yang telah dilaksanakan, produktiviti, prestasi dan kualiti kakitangan dapat ditingkatkan dengan pelaksanaan Sistem ePanel Klinik.</p> <p>Keselamatan penyimpanan data maklumat terjamin kerana data disimpan di server MBPJ selain itu akses Sistem ePanel terhad kepada pengguna yang berdaftar di Single Sign-On MBPJ sahaja.</p> <p>Kumpulan Heuristik telah berjaya membangun dan mengoptimumkan (optimise) penggunaan ICT dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Secara keseluruhannya projek Sistem ePanel Klinik ini boleh meningkatkan keberhasilan terhadap kepuasan hati warga kerja dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan Majlis dalam urusan kemudahan perubatan MBPJ secara keseluruhannya.</p>
-------------------	--



# SISTEM ePANEL KLINIK

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya



KLINIK  
PANEL



CERMIN  
MATA



RAWATAN  
GIGI

### PELAKSANAAN SISTEM ePANEL KLINIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Bermula 1 Januari 2021, Warga Kerja MBPJ tidak lagi menggunakan Buku rawatan Panel. Kini semakan baki rawatan Panel boleh diakses secara atas talian melalui Sistem ePanel Klinik MBPJ

capaian  
URL berikut :

<http://epanel.mbpj.gov.my/eklinikMBPJ/>

Atau Scan QR code di sini



Atau Scan QR Code Di Sini Untuk  
Muat Turun



Atau Scan QR code untuk  
Video Latihan Sistem



Langkah Mudah  
ketika berurusan  
dengan  
Panel MBPJ



Maklumkan  
No. Kad Pengenalan  
atau No. Pekerja  
kakitangan di Kaunter  
Panel Klinik



Dapatkan  
Rawatan /  
Perkhidmatan



Semak  
Baki Rawatan

Selesai

Sila Hubungi terus Pentadbir Sistem Unit Teknologi Maklumat  
atau Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Klinik MBPJ untuk maklumat lanjut.



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



WE LOVE  
PETALING JAYA



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
 مجلس بندرaya پنتالنج جايا

# SISTEM ePANEL KLINIK

## Majlis Bandaraya Petaling Jaya




KLINIK  
PANEL



RAWATAN  
GIGI



CERMIN  
MATA



“  
Sistem ePanel akan dilaksanakan di SEMUA PANEL KLINIK / HOSPITAL MULAI 1 JANUARI 2021. Penggunaan Buku rawatan tidak akan digunakan lagi oleh kakitangan MBPJ

capaian URL berikut :

<http://epanel.mbpj.gov.my/>

Atau Scan QR code di sini



Atau Scan Qr Code Di Sini Untuk Muat Turun



Atau Scan QR code untuk Video Latihan Sistem



Borang Offline ePanel Klinik MBPJ



### PANEL DIBERIKAN AKSES SISTEM INI UNTUK:

Mengakses maklumat kakitangan dan tanggungan MBPJ

Menyemak Profail Klinik

Mendaftar dan membuat Carian Pesakit

Merekod butiran pesakit



Menjana laporan penyata rawatan pesakit secara atas talian.

Sila Hubungi terus Pentadbir Sistem Unit Teknologi Maklumat atau Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Klinik MBPJ untuk maklumat lanjut.



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya




pjcitycouncil



WE LOVE  
PETALING JAYA

# Aplikasi



# Anugerah



# Kumpulan Projek

